

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges

**JURNAL QIRAAT****Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,

Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

2026 Vol 9, Bil 1, Halaman 1-14

Biografi Dan Sumbangan Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) Dalam Pengembangan Qiraat Warsh 'An Nafi' Di Kelantan

[Biography and Contributions of Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) in the Development of the Warsh 'an Nafi' Qiraat in Kelantan]

Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi ^{1*} & Muhammad Khaizuran Bin Md Suzami,² &

¹ Institute of Tahfiz Education and Islamic Heritage, Sultan Idris Education University, 35900, Malaysia.

² Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, 35900, Malaysia.

* Corresponding Author: Ahmad Zulfiqar Shah Bin Abdul Hadi, Institute of Tahfiz Education and Islamic Heritage, Sultan Idris Education University, 35900, Malaysia, zulfiqar@fsk.upsi.edu.my, +60193324551, ORCID ID: 0000-0002-2152-3527

Artikel dihantar: 29 April 2026

Artikel diterima: 22 Jun 2026

Artikel diterbit: 30 Jun 2026

ABSTRACT

The documentation of scholars in the field of Qur'anic studies, particularly in Qiraat, is a crucial effort in ensuring the continuity of the Islamic intellectual tradition, which is increasingly marginalized within the framework of modern education in Malaysia. This study examines the biography and contributions of the late Ustaz Abdul Razak, better known as Ustaz Jak Putih, as a key figure in the development of Qiraat Warsh 'an Nafi' in the state of Kelantan. This research adopts a qualitative approach through semi-structured interviews with family members, students, and colleagues, alongside document analysis of his teaching materials and writings. The findings indicate that Ustaz Jak Putih played a significant role in disseminating Qiraat Warsh at the grassroots level through a disciplined and practice-oriented teaching approach grounded in talaqqi and mushafahah. Despite physical limitations due to albinism, he demonstrated remarkable perseverance in both acquiring and transmitting knowledge of Qiraat. His intellectual contribution is further reflected in his work Muzakkirah Riwayat Warsh, which functions as a pedagogical introductory text featuring a systematic presentation of recitational rules, supported by practical examples to facilitate understanding of the distinctions between usul and farsy al-huruf within the riwayat. However, the analysis also reveals that the work is more instructional in nature rather than a critical scholarly text, as it lacks in-depth discussion of variant readings (khilaf al-qiraat) and comparative analysis with other riwayat. Overall, this study highlights Ustaz Jak Putih as a prominent figure in the development of Qiraat Warsh in Kelantan, while underscoring the importance of documenting local scholars in strengthening the continuity of Islamic intellectual heritage.

Keywords

Qiraat Warsh 'an Nafi', Ustaz Abdul Razak bin Muhammad (Ustaz Jak Putih), Development of Qiraat studies in Kelantan, talaqqi and mushafahah, Islamic scholarly tradition

ABSTRAK

Pendokumentasian tokoh dalam bidang ilmu al-Quran, khususnya ilmu al-Qiraat, merupakan usaha penting dalam memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam yang semakin terpinggir dalam arus pendidikan moden di Malaysia. Kajian ini meneliti biografi serta sumbangan Allahyarham Ustaz Abdul Razak, atau lebih dikenali sebagai Ustaz Jak Putih, sebagai tokoh pengembang Qiraat Warsh ‘an Nafi’ di negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual bersama ahli keluarga, anak murid dan rakan sejawat, serta analisis dokumen terhadap bahan pengajaran dan penulisan beliau. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ustaz Jak Putih memainkan peranan signifikan dalam penyebaran Qiraat Warsh di peringkat akar umbi melalui pendekatan pengajaran berasaskan talaqqi dan mushafahah yang bersifat praktikal serta berdisiplin. Walaupun berhadapan dengan kekangan fizikal akibat albinisme, beliau tetap menunjukkan ketekunan tinggi dalam menuntut dan menyebarkan ilmu Qiraat. Sumbangan intelektual beliau turut terserlah melalui penghasilan karya Muzakkirah Riwayat Warsh yang berfungsi sebagai teks pengantar pedagogikal dengan susunan hukum bacaan secara sistematik serta disokong contoh praktikal bagi memudahkan pemahaman perbezaan usul dan farsy al-huruf dalam riwayat tersebut. Namun demikian, analisis mendapati bahawa karya ini lebih bersifat nota pengajaran berbanding karya kritikal, kerana kurang menampilkan perbincangan khilaf qiraat secara mendalam serta perbandingan dengan riwayat lain. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan ketokohan Ustaz Jak Putih sebagai pengembang utama Qiraat Warsh di Kelantan, di samping mengangkat kepentingan dokumentasi tokoh tempatan dalam memperkukuh warisan keilmuan Islam.

Keywords

Qiraat Warsh ‘an Nafi’, Ustaz Abdul Razak Bin Muhammad (Ustaz Jak Putih), Perkembangan ilmu al-Qiraat di Kelantan, talaqqi dan mushafahah, tokoh dan tradisi keilmuan Islam

How to Cite: Abdul Hadi, A. Z. S. ., & Md Suzami, M. K. . (2026). Biografi Dan Sumbangan Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) Dalam Pengembangan Qiraat Warsh ‘An Nafi’ Di Kelantan. *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*, 9(1), 1-14.

DOI: <https://doi.org/10.53840/75k9t808>

1.0 PENGENALAN

Dalam sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu, golongan ulama memainkan peranan signifikan sebagai agen penyebaran ilmu, pembinaan nilai serta pembentukan struktur sosial masyarakat (Abu Hanifah et. al 2024; Meerangani, 2019; Kadir, 2023). Peranan mereka tidak terhad kepada aspek keagamaan semata-mata, bahkan merangkumi dimensi intelektual, pendidikan dan sosial dalam membentuk identiti masyarakat Melayu-Islam (Rahim, 2008; Malik et al., 2019). Dalam konteks pengajian al-Quran, para ulama berfungsi sebagai autoriti utama dalam pemeliharaan, penyebaran serta pengajaran bacaan dan pemahaman al-Quran kepada masyarakat. Mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu, bahkan memastikan ketepatan bacaan melalui tradisi *talaqqi* dan *mushafahah* yang menjadi teras dalam transmisi ilmu al-Qiraat (al-Zarqani, 1995; al-Suyuti, 2003).

Dari sudut sejarah perkembangan di Malaysia, ilmu al-Qiraat didapati berkembang dalam keadaan yang relatif terhad dan kurang mendapat pendedahan meluas, khususnya pada peringkat awal. Dominasi riwayat Hafs ‘an Asim dalam amalan bacaan masyarakat menyebabkan riwayat lain seperti Warsh ‘an Nafi’ dianggap asing dan kurang difahami (Ab Rahman et al., 2012; Muhammad Fadhli et al., 2025). Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan jurang pengetahuan dalam kalangan masyarakat terhadap kepelbagaian riwayat dalam ilmu Qiraat. Walau bagaimanapun, perkembangan mutakhir menunjukkan peningkatan kesedaran dan penerimaan terhadap ilmu Qiraat, didorong oleh usaha institusi pendidikan seperti maahad tahfiz yang mengintegrasikan pengajian Qiraat dalam kurikulum mereka serta sumbangan tokoh-tokoh tempatan dalam memperkembangkan disiplin ini (Muhammad Fadhli et al., 2025; Ahmad Mujahideen et al., 2023).

Namun begitu, kajian yang mendokumentasikan biografi dan sumbangan tokoh Qiraat tempatan masih terhad dan tidak sistematik. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada aspek teori, kurikulum dan pengajaran Qiraat berbanding kajian berfokus kepada tokoh (Ab Rahman et al., 2012; Muhammad Fadhli et al., 2025). Kekurangan ini menyebabkan sumbangan tokoh tempatan kurang diketengahkan dalam wacana akademik, sekali gus menjejaskan usaha pemeliharaan warisan keilmuan Islam dalam bidang al-Qiraat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti biografi serta sumbangan Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) sebagai tokoh pengembang Qiraat Warsh ‘an Nafi’ di negeri

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



Kelantan, dengan memberi fokus kepada pendekatan pengajaran, sumbangan intelektual, serta peranannya dalam memperluas kefahaman masyarakat terhadap ilmu Qiraat.

2.0 LATAR RINGKAS PERKEMBANGAN ILMU QIRAAT DI NEGERI KELANTAN

Dalam menelusuri latar ringkas perkembangan ilmu Qiraat di negeri Kelantan, perbincangan ini perlu difahami dalam kerangka tradisi transmisi ilmu Islam yang berteraskan sanad melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* di mana autoriti guru ditentukan oleh kesinambungan bacaan yang bersambung hingga kepada Rasulullah SAW, sekali gus menjamin ketepatan serta kesahihan bacaan (al-Zarqani, 1995; al-Suyuti, 2003). Dalam masa yang sama, perkembangan amalan bacaan al-Quran dalam masyarakat tempatan turut dipengaruhi oleh dominasi riwayat Hafs 'an 'Asim hasil faktor standardisasi pendidikan dan percetakan mushaf pada abad ke-20, yang secara tidak langsung menghadkan pendedahan kepada riwayat lain seperti Warsh 'an Nafi', sekali gus menjelaskan perkembangan awal pengajian Qiraat yang lebih perlahan dalam konteks setempat (Gade, 2004; Nelson, 2001).

Perkembangan ilmu al-Qiraat di negeri Kelantan mempunyai asas sejarah yang signifikan dan boleh ditelusuri sejak awal abad ke-20 melalui tradisi pengajian tahfiz al-Quran. Antara tokoh terawal yang memainkan peranan penting ialah Dato' Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim, bekas Mufti Kelantan yang lebih dikenali sebagai To' Peti Haji Nor. Sekitar tahun 1937, beliau telah memulakan kelas tahfiz al-Quran di kediamannya, sekali gus menjadikannya antara perintis pengajian tahfiz di Malaysia serta diiktiraf sebagai "bapa Qiraat" di negeri Kelantan (Abdul Rahman et al., 2012). Keilmuan al-Quran beliau diperkukuh di Makkah melalui semakan lebih 20 qari terkenal serta penguasaan luas dalam ilmu Qiraat, bukan sekadar riwayat Hafs 'an 'Asim. Beliau kemudian mengembangkan pengajaran Qiraat sejak 1950-an di Penampang dan Masjid Muhammadi menggunakan Matan al-Syatibi serta menghasilkan karya *Suluhan Dar al-Na'im* sebagai rujukan utama Qiraat Warsh 'an Nafi'. (Yunan, 1991; Abdul Rahman et al., 2012).

Perkembangan ilmu Qiraat di Kelantan kemudiannya memasuki fasa institusionalisasi bermula pada awal 1990-an. Pada tahun 1992, penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran oleh Yayasan Islam Kelantan (kini dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulau Chondong) menandakan usaha sistematik kerajaan negeri dalam memperkukuh pendidikan tahfiz dan Qiraat. Pengajian Qiraat di institusi ini mula dilaksanakan sekitar tahun 1994. Pada masa yang sama, pada tahun 1993, kerjasama antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan Institut Pengajian Tahfiz al-Quran, Pusat Islam Kuala Lumpur (kini Darul Quran JAKIM) telah memperkenalkan program Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat. Proses ini mencerminkan peralihan daripada sistem pengajian tradisional berasaskan guru kepada sistem pendidikan formal yang lebih tersusun, berkurikulum dan berakreditasi (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998). Perkembangan ini turut membuka ruang kepada pengukuhan pengajian Qiraat sebagai satu disiplin khusus dalam pendidikan tahfiz.

Dalam konteks ini, kemunculan Ustaz Abdul Razak atau Ustaz Jak Putih sebagai guru Qiraat di Maahad Tahfiz al-Quran dari tahun 1993 hingga 1998 merupakan satu titik penting dalam kesinambungan perkembangan ilmu Qiraat di Kelantan. Peranan beliau bukan sahaja meneruskan tradisi keilmuan yang diasaskan oleh generasi terdahulu, bahkan berfungsi sebagai penghubung antara fasa pengajian tradisional dan institusionalisasi pendidikan Qiraat, khususnya dalam memperluas pengajaran Qiraat Warsh 'an Nafi' kepada generasi baharu.

Secara keseluruhannya, perkembangan ilmu Qiraat di Kelantan memperlihatkan satu trajektori yang jelas, bermuladaripada pengajian tradisional berasaskan individu kepada fasa pengukuhan melalui institusi pendidikan formal. Evolusi ini menunjukkan bahawa kesinambungan ilmu Qiraat tidak hanya bergantung kepada institusi, tetapi turut dipacu oleh peranan tokoh-tokoh berautoriti yang menjadi penggerak utama dalam transmisi dan pengembangannya.

3.0 OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti latar belakang biografi Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih), menganalisis sumbangan beliau dalam pengembangan Qiraat Warsh 'an Nafi', khususnya melalui aktiviti pengajaran, penyebaran ilmu dan penulisan kitab *Muzakkirah Riwayat Warsh*. Di samping itu, kajian ini turut meneliti pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh beliau, terutama kaedah talaqqi dan mushafahah, serta peranannya dalam melahirkan generasi pelajar yang menguasai bacaan Riwayat Warsh di Malaysia.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan 14 orang informan yang dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan penglibatan langsung mereka dengan tokoh kajian, di samping analisis dokumen terhadap kitab *Muzakkirah Riwayat Warsh* dan dokumen berkaitan. Data temu bual dianalisis menggunakan Model Analisis Tematik Braun dan Clarke (2006) melalui proses transkripsi, pengekodan terbuka, pembentukan kategori dan tema, manakala analisis dokumen menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan aspek kandungan, metodologi penulisan, sumber rujukan dan sumbangan kitab. Kesahan dapatan dipastikan melalui kaedah triangulasi sumber dengan membandingkan maklumat daripada temu bual dan analisis dokumen.

4.0 BIOGRAFI USTAZ ABDUL RAZAK (USTAZ JAK PUTIH)



Gambar 1: Ustaz Abdul Razak bin Muhammad bin Salleh

4.1 Latar Belakang Peribadi

Ustaz Abdul Razak bin Muhammad bin Salleh dilahirkan pada tahun 1943 di Kampung Penggawa, Bekelam, Bachok, Kelantan. Beliau merupakan anak kepada Muhammad bin Salleh dan Che Minah binti Salleh. Dalam kehidupan berkeluarga, beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Rabiah binti Awang dan dikurniakan seramai 13 orang anak, iaitu lapan lelaki dan lima perempuan (Temu bual AK1, 2024).

Dari sudut fizikal, beliau dilahirkan dengan keadaan albinisme, iaitu satu kondisi genetik yang menyebabkan pigmentasi kulit dan rambut menjadi lebih cerah. Keadaan ini turut memberi kesan kepada penglihatan beliau, di mana mata sebelah kiri tidak berfungsi manakala mata sebelah kanan sensitif terhadap cahaya. Kekangan ini menyebabkan beliau perlu menyesuaikan cara membaca, antaranya dengan menghalang cahaya menggunakan tangan semasa menelaah (Temu bual AK1, 2024). Namun demikian, keterbatasan fizikal tersebut tidak menghalang beliau untuk menekuni bidang al-Quran dan Qiraat secara konsisten.

Dari aspek perwatakan, Ustaz Jak Putih digambarkan sebagai seorang yang peramah, santun serta mempunyai sifat kasih sayang yang tinggi terhadap keluarga. Beliau juga dikenali dengan gaya hidup yang sederhana dan tidak cenderung kepada kemewahan. Pilihan beliau untuk mengenakan jubah dalam kehidupan harian mencerminkan kecenderungan personal terhadap identiti keagamaan serta kesedaran dakwah dalam penampilan diri (Temu bual AK1 & AK2, 2024).

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



Selain itu, faktor kesihatan yang dihadapi turut mempengaruhi corak kehidupan beliau yang lebih tertumpu di rumah. Namun, keadaan ini dimanfaatkan secara optimum dengan pengisian masa melalui aktiviti keilmuan seperti membaca, menelaah, menulis, serta murajaah hafazan al-Quran secara berterusan (Temu bual AK1 & AK2, 2024). Keadaan ini secara tidak langsung membentuk disiplin diri yang tinggi serta menyumbang kepada penguasaan beliau dalam bidang Qiraat.

4.2 Latar Pendidikan Ustaz Jak Putih

Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) memulakan pendidikan awal di Sekolah Melayu Bekelam, Bachok, Kelantan sebelum melanjutkan pengajian ke Madrasah al-Diniah al-Bakriah, atau lebih dikenali sebagai Pondok Pasir Tumboh, Kota Bharu. Beliau menuntut di institusi tersebut selama 11 tahun, iaitu dari tahun 1955 hingga 1966. Sepanjang tempoh ini, beliau mendalami pelbagai disiplin ilmu Islam termasuk tafsir, hadith, fiqh, akidah, tasawwuf serta ilmu al-Qiraat (Temu bual AK1 & AK2, 2024).

Pondok Pasir Tumboh merupakan asas penting dalam pembentukan keilmuan beliau, khususnya dalam bidang al-Quran. Di sinilah beliau menghafaz al-Quran serta mula mendalami ilmu Qiraat secara lebih serius. Walaupun ilmu Qiraat pada ketika itu masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan penuntut agama di Tanah Melayu, beliau menunjukkan minat yang mendalam terhadap bidang tersebut. Hal ini mencerminkan kecenderungan awal beliau terhadap pengkhususan dalam Qiraat yang kemudiannya menjadi teras sumbangannya. Namun demikian, perkembangan semasa menunjukkan bahawa pengajian Qiraat di institusi tersebut tidak lagi diteruskan, dipercayai akibat kekurangan sambutan dalam kalangan pelajar (Temu bual Ahmad, 2024).

Setelah menamatkan pengajian di peringkat pondok, beliau melanjutkan pelajaran ke Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), sebuah institusi yang ditubuhkan pada tahun 1965 dengan matlamat memperkukuh pendidikan tinggi Islam di negeri Kelantan. Di institusi ini, beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah dan Undang-undang sekitar tahun 1972/1973 (Idris, 2020). Pengajian di YPTIK memperlihatkan peralihan beliau daripada sistem pendidikan tradisional kepada pendidikan formal yang lebih tersusun.

Selain itu, beliau turut memperkukuh penguasaan bahasa Arab melalui penyertaan dalam kursus (daurah) di Universiti Umm al-Qura', Mekah pada tahun 1983 selama setahun. Pengalaman ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan linguistik beliau, bahkan memperkukuh lagi asas keilmuan dalam bidang al-Quran dan Qiraat sebelum beliau kembali berkhidmat di bawah Yayasan Islam Kelantan (Temu bual AK1 & AK2, 2024).

Secara keseluruhannya, latar pendidikan Ustaz Jak Putih memperlihatkan satu kombinasi pembelajaran yang menggabungkan antara sistem tradisional pondok dan pendidikan formal moden. Kombinasi ini membentuk asas kukuh kepada kepakaran beliau dalam bidang Qiraat serta mempengaruhi pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan disiplin tradisi dan sistematik.

4.3 Latar Kerjaya dan Perkhidmatan

Penglibatan Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) sebagai pendidik dan pendakwah memperlihatkan peranan signifikan beliau dalam masyarakat, sama ada di peringkat komuniti mahupun institusi pendidikan. Di peringkat lokal, beliau berkhidmat sebagai imam di Masjid Kampung Bechah Salak serta sering memimpin majlis tahlil dan zikir dalam kalangan masyarakat setempat. Peranan ini mencerminkan pengiktirafan masyarakat terhadap keilmuan serta kewibawaan beliau dalam bidang agama. Selain itu, penguasaan beliau dalam ilmu fiqh turut menjadikan beliau rujukan dalam menyelesaikan pelbagai isu keagamaan dalam komuniti.

Dari sudut kerjaya formal, beliau telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama lebih empat dekad, iaitu dari tahun 1973 hingga 2019. Sepanjang tempoh tersebut, beliau pernah berkhidmat di beberapa institusi pendidikan Islam di Kelantan, antaranya:

1. Sekolah Menengah Agama (Arab) Sulamiah, Bunut Payong, Kota Bharu (1973–1975)
2. Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu (1975–1985)
3. Sekolah Menengah Agama (Arab) Yakubiyyah, Nipah, Bachok (1985–2019)

Tempoh perkhidmatan yang panjang ini menunjukkan konsistensi serta komitmen beliau dalam bidang pendidikan Islam, khususnya dalam melahirkan generasi pelajar yang berasaskan ilmu agama.

Selain itu, sumbangan beliau dalam bidang Qiraat terserlah apabila dilantik oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai tenaga pengajar ilmu Qiraat di Maahad Tahfiz al-Quran (MTQ) Pulau Chondong pada peringkat awal penubuhannya. Penglibatan ini memperlihatkan peranan beliau dalam memperkenalkan dan memperkukuh pengajian Qiraat dalam sistem pendidikan tahfiz negeri.

Menariknya, komitmen beliau terhadap pengajaran Qiraat dapat dilihat melalui kesungguhan beliau berulang-alik setiap minggu ke MTQ Pulau Chondong, yang terletak kira-kira 40 kilometer dari kediamannya di Bachok. Walaupun berhadapan dengan kekangan fizikal dan kemudahan pengangkutan yang terhad, beliau tetap istiqamah melaksanakan tanggungjawab tersebut (Temubual RK1, 2024). Keadaan ini bukan sahaja mencerminkan dedikasi tinggi sebagai seorang pendidik, bahkan memperlihatkan kesungguhan beliau dalam memastikan kesinambungan pengajian Qiraat kepada generasi pelajar.

Secara keseluruhannya, latar kerjaya Ustaz Jak Putih memperlihatkan integrasi antara peranan sebagai pendidik formal dan pendakwah masyarakat. Gabungan ini menjadikan beliau bukan sahaja sebagai guru di institusi pendidikan, tetapi juga sebagai tokoh rujukan agama yang berpengaruh dalam komuniti setempat.

4.4 Anugerah Dan Pencapaian

Sepanjang perkhidmatannya dalam bidang pendidikan Islam, Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) telah menerima pelbagai pengiktirafan yang mencerminkan kepakaran, komitmen serta sumbangannya dalam pengajaran dan pembangunan akademik. Antara anugerah dan pencapaian utama beliau adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan Profesional dan Kepakaran
 - Jurulatih Utama Bahasa Arab Ugama, Yayasan Islam Kelantan (2011–2012)
 - Guru Sumber Bahasa Arab dan Agama (1996/1997; 2002/2003)
2. Kecemerlangan dalam Pengajaran
 - Anugerah Guru Cemerlang Yayasan Islam Kelantan (2011)
 - Anugerah Guru Cemerlang Fiqh STAM (2017)
 - Guru Terbaik Syariah STPM (2001)
3. Pengiktirafan Akademik dan Keilmuan
 - Penerima Biasiswa Rabitah al-‘Alam al-Islami, Arab Saudi (1983)
4. Pengiktirafan Autoriti Keagamaan
 - Pemegang tauliah mengajar daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Secara keseluruhannya, anugerah dan pencapaian ini bukan sahaja menunjukkan kecemerlangan beliau dalam bidang pengajaran, malah mengesahkan kedudukan beliau sebagai seorang pendidik yang berautoriti dan diiktiraf dalam pelbagai disiplin ilmu Islam, khususnya dalam bidang bahasa Arab, fiqh dan pendidikan agama.

5.0 PERSEPSI BEKAS PELAJAR DAN RAKAN SEJAWAT TERHADAP USTAZ JAK PUTIH

Sebagai seorang pendidik yang telah berkhidmat lebih daripada empat dekad, pengalaman dan pendekatan pengajaran Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) telah memberi kesan yang signifikan terhadap pelajar serta rakan sejawat yang pernah berinteraksi dengan beliau. Persepsi terhadap tokoh ini bukan sahaja mencerminkan aspek keperibadian, bahkan turut menggambarkan pendekatan pedagogi serta pengaruh beliau dalam bidang pengajian al-Quran dan Qiraat.

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap lapan orang bekas pelajar dan dua orang rakan sejawat, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi terhadap Ustaz Jak Putih dapat dirumuskan kepada beberapa tema utama seperti berikut:

5.1 Keilmuan dan Kepakaran dalam Ilmu Qiraat

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa aspek keilmuan dan kepakaran Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) dalam bidang Qiraat merupakan antara ciri paling dominan yang diakui oleh informan. Persepsi ini dapat dihuraikan melalui beberapa subtema utama seperti berikut:

- Kealiman dalam Ilmu Qiraat:** Informan menggambarkan beliau sebagai seorang yang mempunyai penguasaan mendalam dalam ilmu Qiraat serta mampu menyampaikan bacaan dengan fasih dan tepat. Walaupun berada dalam keadaan uzur pada peringkat akhir hayat, beliau masih mengekalkan ketepatan dan kelancaran bacaan ketika mengajar. Hal ini menunjukkan tahap internalisasi ilmu yang tinggi, di samping pengalaman pengajaran yang konsisten dalam jangka masa panjang (Temu bual AM1, AM2, 2024).
- Kepakaran dalam al-Quran Merentas Disiplin:** Walaupun bidang pengkhususan formal beliau ialah fiqh, informan menegaskan bahawa beliau turut memiliki keahlian yang tinggi dalam al-Quran, khususnya dari aspek bacaan dan penghayatan. Keupayaan ini mencerminkan keluasan disiplin keilmuan beliau serta integrasi antara ilmu Qiraat dan ilmu-ilmu Islam yang lain, sekali gus memperkukuh autoriti beliau sebagai pendidik (Temu bual RK1, 2024).
- Penguasaan Manhaj Bacaan dan Pengajaran Qiraat:** Beliau turut dikenal pasti mempunyai penguasaan yang baik terhadap manhaj bacaan al-Quran, termasuk dari segi ketepatan kaedah dan konsistensi dalam penyampaian. Kemahiran ini bukan sahaja terserlah dalam pengajaran lisan, bahkan turut diterjemahkan dalam usaha penyusunan bahan pengajaran Qiraat. Hal ini menunjukkan bahawa kepakaran beliau bukan bersifat praktikal semata-mata, tetapi turut disokong oleh pendekatan pedagogi yang tersusun.

5.2 Kaedah Pengajaran dan Penyampaian Ilmu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) berpunca daripada gabungan pendekatan tradisional dan pedagogi praktikal yang tersusun. Analisis temu bual memperlihatkan beberapa tema utama seperti berikut:

- Pendekatan Talaqqi dan Mushafahah eraskan Praktikal:** Pengajaran beliau berteraskan kaedah *talaqqi* dan *mushafahah*, di mana interaksi langsung antara guru dan pelajar menjadi medium utama pemindahan ilmu. Beliau secara konsisten meminta pelajar membaca di hadapannya serta membetulkan kesalahan secara langsung, sekali gus memastikan ketepatan bacaan. Pendekatan ini menunjukkan orientasi pengajaran yang berasaskan amali berbanding teori semata-mata (Temu bual AM1, AM3, 2024).
- Penyusunan Pengajaran yang Sistematik dan Berperingkat:** Beliau dikenal pasti mempunyai keupayaan menyusun kandungan pengajaran secara teratur, khususnya dalam menjelaskan khilaf bacaan. Contohnya, susunan variasi bacaan seperti dalam perbahasan *mad jaiz munfasil* (2,4,6) diajar secara berperingkat, memudahkan pelajar memahami perbezaan *usul* dan *farsy* dalam Qiraat. Hal ini mencerminkan pendekatan pedagogi yang tersusun dan berorientasikan kefahaman (Temu bual AM2, 2024).
- Ketepatan Teknikal dalam Bacaan Qiraat:** Dari sudut kemahiran teknikal, beliau menunjukkan ketelitian tinggi dalam aspek sebutan dan makhraj huruf, termasuk dalam isu-isu khilaf seperti *taghliz lam*. Penekanan terhadap aspek ini membuktikan bahawa pengajaran beliau tidak hanya menekankan kefahaman teori, tetapi juga ketepatan praktikal dalam bacaan (Temu bual AM5, 2024).
- Adaptasi dan Keanjalan Pedagogi:** Walaupun berpegang kepada pendekatan tradisional, beliau menunjukkan keupayaan menyesuaikan kaedah pengajaran dengan perubahan kurikulum dan tahap pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan beliau tidak bersifat statik, sebaliknya responsif terhadap keperluan semasa (Temu bual AM3, 2024).

- e) **Penyediaan Bahan Pengajaran dan Inovasi dalam Ujian Penilaian:** Selain pengajaran lisan, beliau turut menghasilkan bahan bertulis iaitu *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* serta membangunkan bentuk penilaian seperti soalan objektif dalam Qiraat. Usaha ini memperlihatkan dimensi inovasi dalam pedagogi, sekali gus menguji pencapaian murid dengan kaedah yang berlainan bagi proses pembelajaran dan penilaian pelajar (Temu bual AM3, AM6 2024).
- f) **Impak terhadap Pencapaian Pelajar:** Keberkesanan pendekatan pengajaran beliau turut tercermin melalui pencapaian pelajar dalam subjek Qiraat. Informan menyatakan bahawa pelajar yang mengikuti pengajaran beliau menunjukkan prestasi akademik yang baik, sekali gus mengukuhkan keberkesanan kaedah yang digunakan (Temu bual AM3, AM5 2024).

5.3 Akhlak dan Keperibadian

Dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa akhlak dan keperibadian Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) merupakan faktor penting yang menyokong keberkesanan pengajaran beliau. Informan menggambarkan beliau sebagai seorang yang santun, merendah diri serta mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar dan masyarakat. Sifat ini mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan memudahkan interaksi antara guru dan pelajar, khususnya dalam pengajian Qiraat yang memerlukan hubungan langsung melalui *talaqqi* dan *mushafahah*.

Selain itu, gaya hidup beliau yang sederhana serta konsisten dalam amalan keilmuan mencerminkan integriti peribadi sebagai seorang pendidik Islam. Keperibadian ini bukan sahaja memberi kesan kepada penerimaan pelajar terhadap pengajaran beliau, malah berfungsi sebagai model teladan dalam pembentukan adab dan disiplin ilmu dalam kalangan pelajar.

5.4 Komitmen dan Profesionalisme

Aspek komitmen dan profesionalisme Ustaz Jak Putih jelas terserlah melalui konsistensi beliau dalam bidang pendidikan sepanjang lebih empat dekad perkhidmatan. Beliau menunjukkan tahap dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik, termasuk dalam pengajaran ilmu Qiraat di institusi formal dan tidak formal.

Informan turut menekankan kesungguhan beliau dalam memastikan kelangsungan pengajian Qiraat, walaupun berhadapan dengan kekangan fizikal dan logistik. Komitmen ini dapat dilihat melalui kehadiran berterusan dalam sesi pengajaran serta kesediaan beliau untuk membimbing pelajar secara langsung. Dari sudut profesionalisme, beliau juga memperlihatkan keupayaan mengurus pengajaran secara sistematik, menyesuaikan kaedah dengan tahap pelajar, serta membangunkan bahan dan bentuk penilaian yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya, komitmen dan profesionalisme beliau bukan sahaja menyumbang kepada keberkesanan pengajaran, malah memperkukuh kedudukan beliau sebagai seorang pendidik yang berautoriti dalam bidang Qiraat di Kelantan.

6.0 MUZAKKIRAH RIWAYAT WARSY 'AN AL-IMAM AL-NAFI' AL-MADANI KARYA UST JAK PUTIH

Antara sumbangan intelektual utama Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) dalam bidang Qiraat ialah penghasilan karya bertajuk *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani*. Karya ini berfungsi sebagai bahan rujukan dan teks pengantar yang digunakan dalam pengajaran ilmu Qiraat, khususnya di Maahad Tahfiz al-Quran Yayasan Islam Kelantan. Kenyataan ini dipetik dari kata pengantar buku beliau yang ditulis dengan menggunakan bahasa Arab yang diterjemahkan sebagaimana berikut:

“Muzakkirah Riwayat Warsy 'An al-Imam al-Nafi' al-Madani” ini, aku telah karang buku rujukan (nota) yang ringkas bagi persediaan awal pembelajaran bagi anak-anak pelajar bagi mempelajari Qiraat ini serta membuat latihan (bacaan). Aku telah kumpulnya dari beberapa kitab yang panjang dan muktabar (dalam bidang Qiraat). Dan Muzakkirah ini adalah buku pembelajaran bagi pelajar Maahad Tahfiz al-Quran, Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri Kota Bharu khususnya bagi Tingkatan Satu dan Dua.”

Sikap tawaduk dalam kata pengantar dengan mengakui kemungkinan terdapat kekurangan dalam penulisan tersebut serta mengalu-alukan pembetulan daripada pembaca. Pendekatan ini dinyatakan di awal Kata Pengantar buku ini sebagaimana berikut:


PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



“Para pembaca dan pemerhati haruslah menghulurkan bantuan dalam membetulkan kesalahan (jika) yang mungkin terdapat dalam Muzakkirah ini. Ini kerana saya adalah manusia, dan di sini saya tidak terlepas daripada kesilapan dan kealpaan, dan saya termasuk dalam hamba Allah yang fakir (rendah diri) kefahaman sedikit dan pendapat yang rendah.”

Karya ini disiapkan pada 1 Rajab 1413H bersamaan 25 Disember 1992, sebagaimana yang dinyatakan dalam kata pengantar. Tarikh ini menunjukkan bahawa usaha penghasilan bahan pengajaran Qiraat secara sistematik telah bermula lebih awal sebelum penginstitusian pengajian Qiraat berkembang secara meluas di Kelantan. Secara keseluruhannya, *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an Nafi'* bukan sahaja berfungsi sebagai bahan pengajaran, malah mencerminkan usaha awal dalam membangunkan sumber pembelajaran Qiraat yang bersifat tempatan dan kontekstual. Walaupun bersifat ringkas, karya ini memainkan peranan penting dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran Qiraat di peringkat asas.



Gambar 2: Muka Depan dan Kata Pengantar buku *Muzakkirah Riwayat Warsy 'An al-Imam al-Nafi' al-Madani* karangan Ustaz Abdul Razak bin Muhammad (Ust. Jak Putih)

6.1 Metodologi Susunan dan Penulisan

Analisis terhadap karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* menunjukkan bahawa Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) mengaplikasikan pendekatan penulisan yang bersifat pedagogikal serta berorientasikan keperluan pelajar peringkat asas. Karya setebal kira-kira 180 halaman ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab dan dirangka bagi memudahkan pemahaman manhaj serta Farsy al-Huruf dalam Qiraat Warsh 'an Nafi'.

Dari sudut pemilihan tajuk, istilah “*Muzakkirah*” merujuk kepada nota ringkas yang berfungsi sebagai alat bantu ingatan. Secara etimologi, istilah ini berasal daripada kata dasar Arab *dhakkara* (ذَكَرَ) yang bermaksud mengingatkan. Pemilihan istilah ini selari dengan sifat kandungan karya yang padat, terfokus dan sesuai sebagai teks pengantar bagi

pelajar (Ahmad Mukhtar, 2008). Hal ini menunjukkan kesedaran penulis dalam menyediakan bahan yang mudah diakses tanpa mengabaikan ketepatan ilmiah.

Dari segi struktur, kandungan karya ini disusun secara sistematik merangkumi beberapa komponen utama, iaitu:

- Kata Pengantar.
- Pengenalan ringkas Imam-Imam Qiraat beserta Rumuz.
- Biodata khusus Imam Nafi' serta dua perawinya, iaitu Warsh dan Qalun.
- Perbincangan Manhaj Qiraat Warsh 'an Nafi' yang meliputi aspek Usul.
- Perincian Farsy al-Huruf bermula dari surah al-Fatihah hingga al-Nas.
- Penyediaan jadual bacaan bagi ayat-ayat terpilih.
- Daftar Kandungan.

Keunikan utama metodologi penulisan ini terletak pada pendekatan penghuraian yang berasaskan pembahagian *maqra'*, berbanding pendekatan konvensional yang disusun mengikut juzuk atau surah. Pendekatan ini membolehkan setiap perbincangan difokuskan kepada unit bacaan tertentu tanpa percampuran dengan bahagian lain, sekali gus mengurangkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, penandaan surah dan juzuk masih dikekalkan bagi memudahkan rujukan silang.

(٦) قال الله تعالى : (الآن ويستنبثونك) - يونس

ويستنبثونك	لأن	القمر	القمر
القمر	القمر	القمر	القمر
التوسط	التوسط	التوسط	التوسط
المد	المد	المد	المد
القمر	القمر	القمر	القمر
التوسط	التوسط	التوسط	التوسط
المد	المد	المد	المد
القمر	القمر	القمر	القمر
التوسط	التوسط	التوسط	التوسط
المد	المد	المد	المد

Gambar 3: Jadual cara baca Qiraat Warsy 'an Nafi' dalam buku *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani*

Selain itu, penggunaan jadual berbentuk kotak dalam menghuraikan wajah Qiraat merupakan satu elemen pedagogi yang signifikan. Jadual ini memperincikan kalimah yang menjadi محل الخلاف dalam bacaan Warsh secara tersusun, sekali gus membolehkan pelajar menelusuri turutan khilaf dengan lebih jelas dan sistematik. Pendekatan visual ini memperkukuh kefahaman pelajar terhadap tahrirat bacaan, khususnya bagi topik yang bersifat teknikal.

Secara keseluruhannya, metodologi penulisan karya ini memperlihatkan keseimbangan antara ketepatan ilmiah dan keperluan pedagogi. Pendekatan yang sistematik, berfokus dan berperingkat menjadikan karya ini sesuai sebagai teks asas dalam pengajaran Qiraat Warsh 'an Nafi', khususnya bagi pelajar di peringkat permulaan.

6.2 Gaya Bahasa dan Penulisan

Analisis terhadap karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* menunjukkan bahawa Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) mengaplikasikan gaya bahasa yang ringkas dan berorientasikan kefahaman pembaca. Walaupun ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab, penggunaan istilah dikawal dan tidak berlebihan, menjadikan teks



ini dapat diakses oleh pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab. Pendekatan ini selari dengan fungsi karya sebagai teks pengantar yang menekankan kejelasan berbanding perbincangan teori yang kompleks.

Dari sudut kandungan, gaya penulisan beliau bersifat padat dan terfokus, dengan penekanan kepada susunan tahrirat dan perincian khilaf bacaan tanpa dihiasi huraian yang panjang. Hal ini membolehkan pelajar menumpukan kepada aspek teknikal Qiraat secara lebih langsung, sekali gus mempercepatkan proses penguasaan bacaan. Namun demikian, dari sudut teknikal penerbitan, terdapat kekangan pada kejelasan sebahagian teks yang berkemungkinan berpunca daripada faktor percetakan atau penggunaan peralatan yang terhad pada ketika itu. Walaupun isu ini tidak menjejaskan kandungan ilmiah secara keseluruhan, ia sedikit sebanyak boleh mempengaruhi kelancaran pembacaan.

Dari aspek struktur, karya ini memperlihatkan organisasi yang sistematik dan tersusun. Perbincangan dimulakan dengan bab usul Qiraat sebagai asas teori, diikuti dengan aplikasi praktikal melalui perincian tahrirat yang disusun dari Surah al-Fatihah hingga al-Nas. Setiap bahagian disertakan subtopik yang jelas, termasuk pembahagian berdasarkan usul, maqra', surah dan juzuk, yang memudahkan pembaca menelusuri kandungan secara berperingkat. Struktur yang berlapis ini bukan sahaja membantu dalam navigasi teks, malah menyokong proses pembelajaran secara berhierarki daripada konsep asas kepada aplikasi bacaan. Secara keseluruhannya, gaya bahasa yang ringkas serta struktur penulisan yang sistematik menjadikan karya ini efektif sebagai bahan pembelajaran Qiraat di peringkat asas.

6.3 Rujukan Utama Penghasilan Kitab

Analisis terhadap karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* mendapati bahawa penulis tidak menyatakan secara eksplisit sumber rujukan utama yang digunakan dalam penyusunannya. Ketiadaan pernyataan rujukan ini menjadikan proses penjejakan sumber (source tracing) sukar dilakukan secara langsung dari teks tersebut.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian terhadap susunan tahrirat serta cara penyampaian khilaf bacaan, terdapat persamaan yang ketara dengan pendekatan yang digunakan dalam karya *al-Muyassar fi Jam' al-Qira'at*. Persamaan ini dapat dilihat melalui gaya penghuraian yang terus kepada bentuk bacaan, tanpa perbincangan panjang, serta penekanan kepada penyusunan wajah-wajah khilaf secara praktikal. Namun demikian, persamaan ini tidak boleh dianggap sebagai bukti konklusif bahawa karya tersebut dijadikan rujukan utama, memandangkan tiada pengakuan langsung daripada penulis. Kemungkinan besar, penulis telah merujuk kepada beberapa sumber muktabar dalam bidang Qiraat dan mengolahnya semula dalam bentuk yang lebih ringkas dan bersifat pedagogikal, sebagaimana yang dinyatakan dalam kata pengantar karya tersebut.


Dari sudut akademik, ketiadaan rujukan yang dinyatakan secara jelas merupakan satu kekangan, khususnya dalam menilai kedudukan karya ini dalam tradisi penulisan Qiraat serta dalam konteks perbandingan dengan karya-karya lain. Walau bagaimanapun, dari perspektif pedagogi, pendekatan ini tidak menjejaskan fungsi utama karya sebagai teks pengantar yang bertujuan memudahkan pemahaman pelajar.

Secara keseluruhannya, aspek ini menunjukkan bahawa karya *Muzakkirah* lebih cenderung kepada fungsi pegajaran berbanding penulisan ilmiah kritikal, dengan penekanan kepada penyampaian isi secara praktikal dan ringkas berbanding dokumentasi sumber secara terperinci.

6.4 Keistimewaan dan Kelemahan Karya

Penilaian terhadap karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* menunjukkan bahawa ia mempunyai kekuatan yang signifikan dari sudut pedagogi, di samping beberapa kekangan dari aspek teknikal dan akademik. Antara keistimewaan karya ini ialah sebagaimana berikut:

- i. **Nilai Pedagogi yang Tinggi:** Karya ini berfungsi secara efektif sebagai teks pengantar dalam pengajian Qiraat Warsh 'an Nafi'. Kandungannya yang ringkas, terfokus dan terus kepada aspek *tahrirat* serta khilaf bacaan menjadikannya sesuai sebagai bahan rujukan dan ulang kaji, khususnya bagi pelajar peringkat menengah dan asas pengajian Qiraat.
- ii. **Keselarasan dengan Tradisi Talaqqi dan Mushafahah:** Kandungan karya ini disusun selari dengan amalan *talaqqi* dan *mushafahah*, di mana penekanan diberikan kepada aspek bacaan praktikal berbanding teori semata-mata. Hal ini menjadikan karya ini relevan sebagai sokongan kepada pengajaran bersemuka antara guru dan pelajar dalam tradisi Qiraat.
- iii. **Penyusunan Sistematis dan Berstruktur:** Penghuraian kandungan yang disusun daripada Surah al-Fatihah hingga al-Nas, serta pembahagian berdasarkan *maqra'*, menunjukkan tahap organisasi yang tinggi. Struktur ini memudahkan pencarian dan rujukan silang, sekali gus menyokong pembelajaran secara berperingkat dan konsisten.



Gambar 4: Petunjuk cara baca Qiraat Warsy dan bacaan secara *jama'* (gabung) dalam buku *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani*

- iv. **Integrasi Elemen Visual dalam Pembelajaran:** Penggunaan jadual dan susunan berbentuk kotak dalam menghuraikan khilaf bacaan merupakan satu kelebihan dari sudut pedagogi. Elemen visual ini memudahkan pelajar menstruktur maklumat secara sistematik dan meningkatkan kefahaman terhadap perincian teknikal Qiraat.
- v. **Pendekatan Praktikal Berorientasikan Bacaan:** Penekanan kepada penyusunan wajah-wajah bacaan tanpa perbincangan teori yang panjang menjadikan karya ini bersifat aplikatif. Pendekatan ini selari dengan keperluan pembelajaran Qiraat yang menekankan ketepatan bacaan melalui latihan berulang dan pemahaman langsung terhadap khilaf.

Manakala dari sudut kekurangan ialah:

- i. **Ketiadaan Dokumentasi Rujukan:** Karya ini tidak menyatakan sumber rujukan secara eksplisit, sekali gus menyukarkan penjejakan asas rujukan serta kedudukannya dalam tradisi penulisan Qiraat. Dari sudut akademik, hal ini merupakan kekangan dalam menilai autoriti dan perbandingan dengan karya lain.
- ii. **Kekangan Teknikal Percetakan:** Sebahagian teks didapati kurang jelas, berkemungkinan akibat faktor percetakan atau teknologi penerbitan pada ketika itu. Keadaan ini boleh menjejaskan kelancaran pembacaan, khususnya bagi kandungan yang bersifat teknikal dan memerlukan ketelitian tinggi.

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



- iii. **Akses Terhadap kepada Karya:** Ketiadaan cetakan baharu menjadikan karya ini sukar diperoleh oleh generasi pelajar semasa. Kekangan ini menghadkan penyebaran serta pemanfaatan karya, walaupun kandungannya masih relevan dalam pengajian Qiraat.
- iv. **Keterbatasan dari Sudut Perbahasan Akademik:** Karya ini lebih bersifat nota pengajaran dan tidak menampilkan perbahasan khilaf secara mendalam atau perbandingan dengan riwayat lain. Oleh itu, penggunaannya lebih sesuai sebagai teks asas berbanding rujukan kritikal peringkat lanjutan.
- v. **Persembahan Grafik dan Penerbitan:** Aspek grafik dan reka bentuk bukan fokus utama karya ini, selaras dengan fungsinya sebagai teks pedagogi. Penekanan lebih diberikan kepada kandungan ilmiah berbanding elemen visual, walaupun penambahbaikan dari sudut penerbitan boleh meningkatkan aksesibiliti pembaca.

Secara keseluruhannya, karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* memperlihatkan kekuatan sebagai teks pedagogi yang praktikal, sistematik dan mudah diakses oleh pelajar, walaupun mempunyai keterbatasan dari sudut dokumentasi rujukan dan kedalaman analisis ilmiah. Jika dibandingkan secara ringkas dengan karya terdahulu seperti *Suluhan Dar al-Na'im* karya Dato' Haji Mohd. Noor (To' Peti Haji Noor), kedua-duanya memperlihatkan sumbangan yang tersendiri dalam perkembangan pengajian Qiraat di Kelantan mengikut konteks dan pendekatan masing-masing. Dalam konteks ini, *Muzakkirah Riwayat Warsy* lebih berfungsi sebagai bahan pengajaran yang menyokong proses pembelajaran Riwayat Warsh di peringkat asas. Justeru, karya ini tetap signifikan sebagai salah satu usaha memperkukuh kesinambungan tradisi pengajian Qiraat di Kelantan serta mencerminkan perkembangan pendekatan pengajaran yang lebih tersusun dan mesra pelajar.

7.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kajian ini meneliti biografi dan sumbangan Ustaz Abdul Razak (Ustaz Jak Putih) sebagai tokoh pengembang Qiraat Warsh 'an Nafi' di negeri Kelantan. Dapatan menunjukkan bahawa beliau memainkan peranan signifikan dalam memperluas pengajian Qiraat melalui penglibatan dalam institusi pendidikan serta pendekatan pengajaran berasaskan talaqqi dan mushafahah. Latar pendidikan yang menggabungkan tradisi pondok dan sistem formal turut membentuk keilmuan serta pendekatan pedagogi beliau yang praktikal dan sistematik.

Selain itu, sumbangan intelektual beliau melalui karya *Muzakkirah Riwayat Warsy 'an al-Imam al-Nafi' al-Madani* memperlihatkan usaha menyediakan bahan pengajaran yang bersifat pedagogikal dan mudah diakses oleh pelajar. Walaupun karya tersebut mempunyai keterbatasan dari sudut dokumentasi rujukan dan kedalaman perbahasan, ia tetap signifikan sebagai teks asas dalam pengajaran Qiraat Warsh di peringkat permulaan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan kepentingan peranan tokoh tempatan dalam memelihara dan mengembangkan ilmu Qiraat. Dokumentasi terhadap sumbangan mereka perlu diperkukuh bagi memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam, di samping membuka ruang kepada kajian lanjutan yang lebih mendalam dalam bidang ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dengan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Malik, M. P., Abd. Rahim, R. A., Abdul Jalal, A. F., & Hj Ismail, H. (2019). Kitab Jawi Dan Pengilmuan Masyarakat Melayu. *Jurnal 'Ulwan*, 3(1), 34-57.
- Abdul Rahim, R. A., & Abd. Latif, F. (2008). *Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajian Moraldi Zaman Moden*. Jurnal Usuluddin.
- Abdullah, A. R. Q., Mohamad, S., & Mohd. M.Y.Z (2012). Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim - UM Research Repository.
- Abu Hanifah Haris Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi Makmor Tumin (2024) Ulama Alam Melayu : Perjuangan, Pemikiran, Dan Sumbangan. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Noraini Mohd Noor, & Norhanis Amran. (2024). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 6(38).
- Ab. Rahman al-Qari, A. (2011). Pengajian Tahfiz al-Qur'an dan Qira'at di Kelantan: Tumpuan terhadap Sumbangan Dato' Hj Muhammad Nor bin Ibrahim. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Al-Suyuti, J. (2012). *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Gade, A. M. (2004). *Perfection Makes Practice: Learning, Emotion, and the Recited Qur'an in Indonesia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Kadir, N. A. A., Abd Rahman, M. F., & Ayub, M. S. (2020). The Relationship between the Ulama and Malay Intellectuals in the Development of Islamic Education in Perak, 1922-1999. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(4).
- Muhammad 'Abd al-'Azim al-Zarqani. (2022). *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (tahqiq: Ahmad Shams al-Din). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Meerangani, K. A. (2019). *Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka*. Jurnal Al-Tamaddun.
- Muhammad Fadhli Tarmizi Ashaary, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Mohd Nazri Ahmad. (2025). Memartabatkan Ilmu Qiraat di Pantai Timur: Sorotan Perkembangan Institusi dan Sumbangan Tokoh Qurra' di Negeri Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 358-366.
- Nelson, K. (2001). *The Art of Reciting the Qur'an*. Cairo: American University in Cairo Press.
- Nor Adina Abdul Kadir, Izzah Nur Aida Zur Rafar & Noor Aziera Mohamad Rohana (2023) Hubungan Ulama Dan Inteligensia Melayu Dalam Kelestarian Perkembangan Pendidikan Islam Di Perak: Mengungkap Pengalaman Madrasah Idrisiah 1922-1999. *Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies*. Vol. 30. No. 2.
- Virginia Braun, V., & Victoria Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.